



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

PEMERKASAAN RUKUN TETANGGA SEBAGAI PENGGERAK KOMUNITI PROGRESIF BAGI PENINGKATAN PENDAPATAN ISI RUMAH

BANTING, 14 Mei 2024 – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah merasmikan **Majlis Peluncuran Inisiatif Pemerksaan Rukun Tetangga Sebagai Penggerak Komuniti Progresif** bertempat di Dewan Sri Jugra, Banting, Kuala Langat, Selangor. Sehingga kini, terdapat **sebanyak 8,438 Rukun Tetangga (RT) di seluruh Malaysia** dengan penambahan sebanyak 93 RT pada tahun 2023 sahaja.

Sejak penubuhan RT pada tahun 1975, peranannya sebagai pemacu agenda perpaduan dan keselamatan dalam komuniti telah terbukti memberi impak yang signifikan kepada negara. Pencapaian dan kejayaan RT dapat dilihat bukan sahaja dalam aspek penyatuan masyarakat, malah RT telah mengorak langkah lebih jauh ke hadapan terutamanya dalam aspek pembangunan komuniti. Sehingga kini, terdapat sebanyak **292 RT telah melaksanakan aktiviti ekonomi** yang merangkumi projek **pertanian (kebuniti), penghasilan produk makanan, minuman, kesihatan, kraftangan, perkhidmatan katering, dan *Community Based Tourism (CBT)***.

Inisiatif Pemerksaan Rukun Tetangga Sebagai Penggerak Komuniti Progresif yang diperkenalkan oleh Kementerian Perpaduan Negara ini bertujuan untuk meningkatkan peranan RT dalam pembangunan komuniti. Melalui peruntukan **RM20 juta yang diumumkan dalam Belanjawan 2024**, Kerajaan berharap agar RT menjadi **pendorong utama dalam menjayakan program komuniti, kesukarelawanan, dan kenegaraan di peringkat akar umbi**.

Terdapat sekurang-kurangnya **116 buah RT di seluruh negara telah pun dikenal pasti untuk dijadikan Model RT Progresif**. RT Progresif ini dijangkakan akan memacu kecemerlangan dalam khidmat komuniti dan kerja kemasyarakatan melalui lapan **(8) bidang tumpuan** yang merangkumi (i) Ekonomi dan Sara Hidup; (ii) Keselamatan dan Ketahanan Komuniti (iii) Kepimpinan; (iv) Kesejahteraan Komuniti; (v) Pembelajaran Sepanjang Hayat; (vi) Alam Sekitar; (vii) Warisan dan Budaya; serta (viii) Daya Cipta.

YB Menteri Perpaduan Negara telah mengumumkan **peruntukan sebanyak RM11,073,309.00 yang difokuskan kepada bidang Ekonomi dan Sara Hidup serta Keselamatan dan Ketahanan Komuniti**. Kementerian menumpukan keutamaan kepada bidang ekonomi dan sara hidup khususnya dalam gerak kerja bagi memperkasakan agenda ekonomi komuniti RT. **Pelaksanaannya dilihat berupaya meningkatkan produktiviti RT melalui peningkatan pendapatan isi rumah dan membantu menangani kos sara hidup yang meningkat.**

Melalui jumlah tersebut sebanyak **RM992,590.00 diperuntukkan untuk meningkatkan keselamatan dan ketahanan komuniti, termasuk penggantian fasiliti keselamatan Skim Rondaan Sukarela (SRS)** dengan peruntukan **RM713,890.00 untuk 106 kawasan RT, serta pembekalan 3 set Walkie Talkie dengan peruntukan RM278,700.00 untuk 101 kawasan RT** bagi kegunaan penyaluran maklumat keselamatan semasa rondaan SRS. Dalam usaha mencapai kawasan komuniti yang lebih aman, **RM1,945,620.00 diperuntukkan bagi pembekalan 58 kabin SRS baru dan pembaikan kabin sedia ada di 12 kawasan SRS**. Dengan kemudahan tersebut, ia dapat meningkatkan aktiviti rondaan SRS, serta keselamatan dan kesejahteraan masyarakat setempat.

Untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan ahli RT, **program pembangunan dan latihan direncanakan dengan peruntukan RM2,612,800.00** yang meliputi kursus-kursus seperti teknologi pertanian, pembangunan produk makanan, dan latihan keusahawanan. **Sejumlah RM4,000,000.00 juga turut diperuntukkan untuk Program RT Progresif dalam lima (5) bidang lain**. Melalui usaha ini, peranan RT akan diperkasa sebagai penghubung penting dalam komuniti melalui peningkatan keupayaan dan kerjasama strategik.

YB Menteri menyatakan harapan beliau untuk melihat kejayaan sepenuhnya RT Progresif yang akan **melaksanakan program-program berorientasikan komuniti berteraskan lapan (8) bidang tumpuan yang berkenaan dalam skala dan capaian yang lebih meluas.**

Kementerian Perpaduan Negara

14 Mei 2024

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat
b.p.: Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569
E-mel: pro@perpaduan.gov.my